



Robot hantar makanan di Jurong East sebahagian ujian melibatkan makmal baru NTU. (Gambar: NTU)

## Robot hantar makanan di Jurong East sebahagian ujian melibatkan makmal baru NTU

9/4/2021 23:32



KONGSI ARTIKEL

SINGAPURA: Bayangkan sebuah robot menghantar makanan anda sampai ke depan pintu apabila anda menempah juadah menerusi khidmat penghantaran makanan.

Satu ujian akan dijalankan dalam separuh kedua tahun ini untuk membolehkan robot menghantar makanan daripada kedai-kedai makan di Jurong East ke JTC Summit.

Robot-robot sedemikian adalah antara 16 projek yang sedang dibangunkan oleh sebuah makmal korporat baru bernilai S\$50 juta, iaitu kerjasama antara firma automotif Jerman Continental dengan Universiti Teknologi Nanyang (NTU).

Satu perjanjian ditandatangani hari ini (9 Apr) antara Continental dengan NTU, JTC dan Penguasa Pengangkutan Darat (LTA) untuk menjalankan ujian ke atas robot-robot sedemikian sebagai sebahagian daripada ujian khidmat penghantaran peringkat akhir.

Di bawah ujian itu, platform robot penghantaran automatik Continental, yang dipanggil Corriere akan mengakses Platform Terbuka Digital JTC (ODP), dengan membolehkannya "bercakap" kepada pelbagai sistem teknologi untuk memenuhi penghantaran.

Ini membolehkan robot-robot berkenaan berkomunikasi dengan lampu trafik untuk menyeberang jalan dan menaiki lif di bangunan tinggi, misalnya.

Rangkaian 5G Singtel akan membolehkan hubungan antara robot dengan ODP.

NTU juga akan menggunakan teknologi-teknologi navigasi tanpa pemandu kawasan luar bangunan serta membangunkan model perniagaan yang berdaya mampan bagi platform robot penghantaran.

Robot-robot itu akan diuji di Pusat Kecemerlangan bagi Ujian dan Kajian Kenderaan Tanpa Pemandu di NTU sebelum dibenarkan berjalan di laluan-laluan awam dan jalan raya.

Sebelum ini, firma teknologi tempatan OTSAW pada bulan Februari memulakan ujian sepanjang setahun ke atas dua robot untuk menghantar bungkusan dan barangan dapur ke lobi lif di tujuh blok HDB di Punggol.

**BCA: [Robot Camello bakal ubah kaedah penghantaran barangan ke rumah anda](#)**

Makmal Korporat Continental-NTU itu, dilancarkan hari ini (9 Apr) oleh Menteri Pengangkutan Ong Ye Kung dan diskong oleh Yayasan Kajian Kebangsaan Singapura.

Ia sedang mengusahakan 16 projek dalam empat bidang - pergerakan dan penghantaran bijak, kecerdasan buatan (AI) dan kejuruteraan sofwe serta bahan-bahan bijak dan teknologi perhubungan.

Ini termasuk pelekat-pelekat yang boleh diletakkan pada kulit yang dapat memantau kesihatan pemandu serta menggunakan AI untuk mengesan kelemahan-kelemahan keselamatan dalam kod sofwe automotif.

Makmal baru itu berharap dapat memanfaatkan hasil-hasil kajian dalam penggunaan dunia sebenar, kata Ketua Teknologi Continental, Dirk Abendroth.

Presiden NTU Profesor Subra Suresh berkata makmal baru itu komited untuk melatih dan memberikan latihan kemahiran baru kepada lebih 90 penyelidik sepenuh masa di NTU dan Continental serta lebih 80 mahasiswa dan siswazah NTU.

- CNA/NK/nk